



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

K. B. R.

**PERAYAAN GAWAI ANTU DI SARATOK**

**AYANG DIRI  
ESTHER RICKY BENGKIAU  
FRANKLIN GANGGAN BENNET  
JOSEPH TIANG SETU  
PENNY SENEN**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI  
PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG, ITM SARAWAK BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM.**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA SARAWAK**

**OKTOBER 1998**

Joseph Tiang Setu  
Institut Teknologi Mara  
Sarawak.

12 Oktober 1998

Encik Nicholas Amin  
Pensyarah PAD 340  
Institut Teknologi Mara  
Sarawak.

Tuan ,

**Penyerahan Kertas Kerja PAD 340**

Merujuk kepada perkara di atas dengan segala sukacitanya menyerahkan kertas kerja PAD 340 yang bertajuk Perayaan Gawai Antu di Sarawak.

2. Kami berharap dengan adanya kertas kerja ini dapat memberi manfaat kepada setiap individu yang mementingkan dan mencintai budaya bangsa sendiri. Ini juga memberitahu kita serba sedikit mengenai perayaan ini yang jarang sekali diadakan di Sarawak terutama dikalangan masyarakat Iban.

3. Kami berharap dengan adanya kertas kerja ini sedikit sebanyak memberi kepuasan kepada pihak yang terbabit.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



( Joseph Tiang Setu )

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Penghargaan	iii-iv
Istilah	v-ix
 <b>Bab 1 PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permulaan Perayaan Gawai Antu	2-8
1.2 Objektif Kajian	9
1.3 Hipotesis	10-11
1.4 Skop Kajian	
a) Fokus Pertama	12
b) Fokus Kedua	12
c) Fokus Ketiga	13
1.5 Kaedah Kajian	
a) Mencari Data Primer	14-15
b) Mencari Data Skunder	16
1.6 Masalah Kajian	
a) Sukar Untuk Mendapatkan Maklumat	17
b) Orang Yang Pakar Dan Berkemahiran Telah Meninggal Dunia	18
c) Masalah Kewangan	18
b) Masalah Pengangkutan	18
d) Hanya Segelintir Masyarakat Iban Di Sarawak Yang Merayakannya	19
1.7 Anggaran Belanjawan	20
1.8 Carta Gant	21
 <b>Bab 2 PROSEDUR-PROSEDUR GAWAI ANTU</b>	
2.0 Prosedur Gawai Antu	22
2.1 Mesyuarat Untuk Gawai Antu	
2.2 Membuat Sungkup dan Mengambil Buluh	23
2.3 Membuat Sungkup di Tanah	23-24
2.4 Memotong kayu	24
2.5 Mengambil Buluh	25
2.6 Balik Mengambil Sungkup dan Buluh	25-26
2.7 Menaikkan Sungkup dan Buluh	26
2.8 Membawa Buluh dan Sungkup Naik Ke Rumah	27-29
2.9 Kategori Sungkup	29-30
2.10 Mencacak Tiang Rugan	30-31
2.11 Gawai Nganyam	32-35
2.12 Nyabong Ngeretok	35

## 1.1 PERMULAAN PERAYAAN GAWAI ANTU

Pada zaman dahulu kala ada seorang lelaki yang bernama Kedawa. Kedawa baru sahaja kematian isterinya. Beliau yang masih bersedih di atas kematian isterinya telah menghabiskan sepanjang masanya dengan berbaring sambil menyelimut seluruh badannya. Pada suatu hari seorang penduduk rumah panjang bernama Ensing Jara telah datang ke biliknya dan mengajaknya menyabung ayam bersama-samanya.

Ensing Jara adalah orang Iban yang pandai menyabung ayam pada masa itu dan beliau tidak pernah kalah dalam mana-mana perlawanan menyabung ayam. Ensing Jara memujuk Kedawa supaya jangan bersedih atas kematian isterinya. Setelah puas Ensing Jara memujuk, akhirnya Kedawa pun bersetuju untuk bersabung ayam dengannya.

Kedawa bangkit dari tempat dia berbaring lalu mengikut Ensing Jara pergi ke halaman rumah panjang mereka. Mereka berdua pun mula menyabung ayam dan ayam Kedawa telah kalah. Kedawa berasa tidak puas hati lalu mengambil seekor lagi ayamnya dan sekali lagi dia kalah dan begitulah seterusnya sehingga kesemua ayam Kedawa mati, sampai kan ayam betinanya pun mati dikalahkan oleh ayam Ensing Jara. Begitulah kehebatan ayam Ensing Jara yang sukar tandingnya.

## 1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Di dalam kajian ini terdapat beberapa objektif akan dikaji iaitu :

- a) Mengenalpasti sebab munasabah mengapa perayaan Gawai Antu ini semakin dilupai oleh generasi yang akan datang.
- b) Mengkaji aktiviti-aktiviti yang dilakukan semasa perayaan Gawai Antu dan bagaimana perayaan tersebut mula-mula sekali diadakan.
- c) Kajian ini diharap dapat menjadi bahan rujukan untuk sesebuah perayaan Gawai Antu oleh generasi akan datang.
- d) Memberi kesedaran kepada masyarakat Iban khususnya betapa pentingnya perayaan Gawai Antu yang merupakan perayaan yang boleh dianggap antara perayaan yang terbesar dalam masyarakat Iban.
- e) Untuk memberi kesedaran betapa pentingnya kesenian tradisional Iban kepada masyarakat Iban untuk mengekalkan perayaan Gawai Antu.
- f) Melihat bagaimana langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan perayaan Gawai Antu.